

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

AAP300 – UNDANG-UNDANG SYARIKAT

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan 1 dari Bahagian A adalah **WAJIB** dan jawab **EMPAT (4)** soalan daripada Bahagian B. **Jawapan anda mesti disokong dengan kes perundangan dan seksyen dari akta syarikat yang relevan. Pelajar dibenarkan membawa masuk ke dewan peperiksaan Akta Syarikat 1965.**

Bahagian A (WAJIB)

1. (a) Terangkan prinsip identiti berasingan yang menjadi teras kepada undang-undang syarikat.
[5 markah]
- (b) Terangkan bagaimana identiti berasingan terpakai untuk sekumpulan syarikat.
[2 markah]
- (c) Bilakan prinsip identiti berasingan diketepikan? Penerangan anda mesti merangkumi dua (2) pengecualian statutori dan dua (2) pengecualian bukan statutori.
[8 markah]
- (d) Terangkan dua (2) kesan sebuah syarikat yang diperbadankan.
[5 markah]

Bahagian B

Jawab **EMPAT (4)** soalan.

2. (a) Terangkan perbezaan syarikat persendirian dan syarikat awam.
[3 markah]

- (b) Terangkan empat (4) faedah yang boleh didapati daripada penubuhan sebuah syarikat persendirian.
[4 markah]
- (c) Terangkan perbezaan di antara sebuah syarikat berhad dan syarikat tidak berhad.
[3 markah]
- (d) Jelaskan
- (i) tiga (3) perbezaan di antara sebuah syarikat dan perkongsian.
 - (ii) kepentingan nama sesebuah syarikat.
- [4 markah]
- (e) Apakah tiga (3) alasan yang boleh digunakan oleh pendaftar syarikat untuk menolak pendaftaran nama sebuah syarikat?
[3 markah]
- (f) Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat A jika ia menggunakan nama sebuah syarikat lain yang telah sedia ada?
[3 markah]
3. (a) Terangkan dengan ringkas terma-terma berikut:
- (i) modal namaan
 - (ii) modal yang dikeluarkan
 - (iii) modal yang telah dibayar
 - (iv) modal yang belum dibayar
 - (v) modal simpanan
- [10 markah]
- (b) Apakah hak-hak sesuatu kelas saham?
[2 markah]
- (c) Terangkan dengan ringkas perbezaan di antara:
- (i) saham utama jenis terkumpul dan saham utama jenis tidak terkumpul dan;

- (ii) saham utama jenis mengambil bahagian dan saham utama jenis tidak mengambil bahagian.

[4 markah]

(d) Terangkan:

- (i) maksud 'fasal perubahan hak kelas' yang biasanya dinyatakan di dalam artikel persatuan dan sama ada hak-hak kelas boleh diubah tanpa mematuhi 'fasal perubahan hak kelas'.

- (ii) sama ada hak-hak kelas yang diubah mengikut 'fasal perubahan hak kelas' di dalam artikel persatuan boleh dicabar?

[4 markah]

4. (a) Terangkan tiga (3) perbezaan di antara Memorandum dan Artikel Persatuan.

[4markah]

- (b) Terangkan lima (5) kandungan Memorandum Persatuan.

[10 markah]

- (c) Terangkan kesan Memorandum dan Artikel Persatuan di antara para ahli .

[3 markah]

- (d) Terangkan kesan Memorandum dan Artikel Persatuan di antara syarikat dan pihak ketiga.

[3 markah]

5. (a) Terangkan kesan 'doktrin ultra vires'.

[4 markah]

- (b) Nyatakan seksyen di dalam Akta Syarikat yang telah mengubah kesan 'doktrin ultra vires'. Terangkan dengan ringkas kesan seksyen tersebut.

[4 markah]

- (c) Mengikut seksyen 20(2) Akta Syarikat siapakah yang boleh membangkitkan ketidakupayaan syarikat?
[4 markah]
- (d) Terangkan Turquand's Rule/Indoor Management Rule.
[4 markah]
- (e) Apakah dua (2) keadaan di mana Turquand's Rule tidak boleh digunakan?
[4 markah]
6. (a) Siapakah yang dimaksudkan dengan seorang penubuh atau penaja syarikat?
[2 markah]
- (b) Terangkan dua (2) kewajipan seorang penaja syarikat.
[6 markah]
- (c) Andaikan sebuah syarikat belum diperbadankan tetapi telah menandatangani sesuatu kontrak. Terangkan sama ada syarikat itu boleh mendakwa atau didakwa di atas kontrak yang telah ditandatangani di bawah undang-undang common law.
[8 markah]
- (d) Terangkan dengan ringkas kesan seksyen 35 Akta Syarikat yang telah mengubah satu aspek kedudukan common law yang dinyatakan di dalam (c) di atas.
[4 markah]
7. (a) Nyatakan prinsip asas di dalam pengurangan modal saham sebuah syarikat dan dua (2) prinsip lain yang berbangkit daripada prinsip asas tersebut.
[6 markah]
- (b) Apakah tiga (3) keadaan di mana modal saham syarikat dikurangkan ?
[6 markah]
- (c) Nyatakan seksyen di dalam Akta Syarikat yang menggariskan 'aturan pengurangan modal saham' dan terangkan kenapa aturan sedemikian diperlukan.
[2 markah]

(d) Satu dokumen pemindahan saham yang palsu telah diserahkan kepada Syarikat Z oleh 'broker' A. Ini membolehkan pemindahan saham daripada A kepada B tanpa pengetahuan A. Syarikat Z tidak mengetahui tentang penipuan tersebut dan telah mengeluarkan sijil saham baru kepada B. B kemudiannya menjualkan sahamnya kepada C. A telah membongkar penipuan yang terjadi dan namanya dimasukkan semula ke dalam daftar ahli.

- (i) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh C? dan
- (ii) Bagaimanakah kedudukan B?

[4 markah]

(e) Terangkan dua (2) cara bagaimana modal saham boleh ditambah.

[2 markah]

8. (a) Terangkan:

- (i) fungsi serta peranan prospektus.
- (ii) tiga (3) keadaan bila prospektus tidak perlu didaftarkan dan diedarkan.

[5 markah]

(b) Terangkan dengan ringkas remedi terhadap pengarah, penaja dan pakar yang boleh dituntut oleh pemegang saham jika beliau telah melanggan saham kerana salah nyataan di dalam prospektus.

[5 markah]

(c) Terangkan empat (4) cara bagaimana seseorang itu menjadi ahli sebuah syarikat.

[5 markah]

(d) Terangkan empat (4) cara bagaimana seseorang itu berhenti menjadi ahli sebuah syarikat.

[5 markah]

9. (a) Terangkan perbezaan di antara cagaran tetap dan cagaran terapung.

[6 markah]

- (b) Terangkan tiga (3) keadaan di mana sesuatu cagaran terapung menukar menjadi cagaran tetap.
[6 markah]
- (c) Terangkan maksud debentur dari sudut undang-undang syarikat.
[2 markah]
- (d) Terangkan hak-hak pemegang debentur dari sudut undang-undang syarikat.
[6 markah]
10. (a) Bincangkan tanggungjawab seorang pengarah syarikat.
[10 markah]
- (b) Terangkan lima (5) perkara yang boleh mengakibatkan seseorang pengarah hilang kelayakannya.
[10 markah]

---ooo000ooo---